

SOALAN NO: 432

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
KAWASAN : KUALA KANGSAR

SOALAN:

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan kenapa jalan di Lebuh Raya PLUS dari Ipoh ke Kuala Kangsar sentiasa diperbaiki sehingga menjasakan kelincinan perjalanan pengguna Lebuh Raya Utara Selatan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Syarikat Konsesi Lebuhraya PLUS sentiasa menjalankan kerja - kerja pembaikan ataupun penyenggaraan lebuhraya secara rutin dan berkala mengikut program kerja yang telah dirancang oleh syarikat konsesi. Ini juga selaras dengan garis panduan penyenggaraan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bagi memastikan keselesaan dan keselamatan pengguna lebuh raya berada pada tahap yang maksima.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, kerja-kerja penyenggaraan yang melibatkan jajaran daripada Ipoh ke Kuala Kangsar adalah melibatkan penyenggaraan meningkatkatkan kualiti turapan bertujuan bagi meningkatkan jangka hayat turapan tersebut yang kebiasannya akan cepat mengalami kerosakan akibat dari peningkatan jumlah kenderaan terutamanya kenderaan berat. Kerja-kerja penyenggaraan ini adalah mengikut program kerja yang dirancang pihak PLUS dan mematuhi garis panduan LLM di mana ianya tidak dilakukan pada waktu puncak atau musim perayaan serta mematuhi prosedur pengurusan trafik yang telah ditetapkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sebahagian daripada laluan Ipoh ke Kuala Kangsar ini adalah melalui struktur geografi yang berbukit dan merupakan lalulan 2 lorong 2 hala. Oleh sebab itu,

sekiranya kerja-kerja pembaikan / penyenggaraan jalan yang dilakukan memerlukan penutupan sementara satu lorong, ianya berkemungkinan akan menyebabkan aliran trafik menjadi perlahan namun kesesakan masih lagi berada di tahap minima di lokasi penyenggaraan yang terlibat.

Sekian, terima kasih.

RT30/433

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATIN MASTURA BINTI MOHD
DARIPADA YAZID [KUALA KANGSAR]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datin Mastura Binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kaedah pengisian kekosongan jawatan guru yang lebih efisien memandangkan lambakan para graduan perguruan semakin meruncing.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kaedah yang diambil kira dalam menentukan keperluan pengisian guru baharu di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah berdasarkan kekosongan jawatan akibat persaraan wajib dan pilihan, peletakan jawatan dan kematian guru serta pembukaan institut pendidikan (sekolah) baharu. Selain daripada itu, pengisian kekosongan jawatan juga perlu mengambil kira keperluan pengkhususan (mata pelajaran) yang perlu diisi di sesebuah sekolah tersebut. Sehingga 3 Julai 2017, 78 peratus guru baharu dalam kalangan graduan pendidikan

lepasan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Universiti Awam (UA) keluaran tahun 2016 telah diberi penempatan. Baki graduan yang belum ditempatkan adalah dalam kalangan yang akan ditemu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dan yang tidak diperaku/gagal temu duga dalam sesi temu duga yang telah dilaksanakan sebelum ini.

RT30/433